

Kembalikan kehebatan Islam: PM

BH 26 MAY 2002

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengajak umat Islam di Malaysia mengorak langkah bagi mengembalikan kecemerlangan Islam dan berusaha memajukan diri agar setanding atau lebih baik daripada masyarakat lain.

Perdana Menteri juga mahu umat Islam di negara ini menghayati ajaran Islam yang sebenar bagi mengangkat martabat umat dan agama suci itu.

Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad pada masa lampau melahirkan masyarakat Islam yang kuat dan cemerlang sehingga mereka dapat membina empayar Islam yang terbesar dari China di Timur hingga ke Sepanyol di Barat, katanya dalam buku cenderamata sempena sambutan Maulidur Rasul semalam.

Ini berlaku kerana umat Islam berpegang teguh kepada ajaran agama yang seberlar, mempunyai daya juang yang tinggi, bersungguh-sungguh menguasai ilmu dan bekerja keras untuk memajukan diri sendiri, masyarakat, agama dan negara, kata Dr Mahathir.

"Malangnya kecemerlangan ini tidak dapat diteruskan. Penekanan terhadap perkara keagamaan dan penolakan terhadap bidang lain yang tidak bersangkutan dengan agama telah menyebabkan umat Islam ketinggalan dalam serba-serbi," katanya.

Dr Mahathir berkata umat Islam tidak sepatutnya menghabiskan masa dengan berdebat tentang siapa di antara mereka yang lebih Islam.

Katanya mereka juga tidak sepatutnya membuang masa menuduh satu pihak itu kafir atau tidak Islam kerana ini hanya akan memecah belahkan dan melemahkan umat Islam di negara ini.

"Jika kita terus memilih untuk hidup berpuak-puak, maka kita samalah seperti kaum Arab Jahiliyah sebelum kedatangan Islam dulu," katanya.

Sambutan Maulidur Rasul tahun ini yang bertemakan "Bersama Hayati Keindahan Islam", dirasmikan oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail di Stadium Putra, Bukit Jalil.